

## **FAKTOR KECICIRAN MURID-MURID PROGRAM PEMULIHAN KHAS SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA**

*(FALL BEHIND FACTORS OF MALAYSIAN PRIMARY SCHOOL PUPILS  
IN “PROGRAM PEMULIHAN KHAS”)*

**Nur Faizahton Saidin**  
faizahsaidin62@gmail.com

**Nur Azimah Mohd Bukhari**  
azimah\_bukhari09@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
Kuala Lumpur, Malaysia

Received: 17th February 2023; Accepted; 25th March 2023; Published: 19th April 2023

### ***Abstract***

*The Ministry of Education Malaysia (MOE) has discovered that pupils were falling behind in Malay language literacy and sought to remedy the situation through the implementation of specific measures. This concept paper aims to identify factors that can contribute to that phenomenon among pupils under the “Program Pemulihan Khas” (Special Recovery Programme). Some factors were the impact of the COVID-19 pandemic, poor reading skills and the lack of appropriate usage of “Bahan Bantu Mengajar” (BBM) (teaching aids). Subsequently, the paper elucidates measures executed by various parties, like teachers, schools, MOE and the authorities, to overcome the phenomenon. For instance, the provision of guidance by teachers, the introduction of remedial education programmes and the utilisation of BBMs were employed to sustain the pupils. In conclusion, continuous effort and commitment from all parties are required to propel the education sector in line with globalisation. This study is expected to catalyse deeper research to bridge the educational gap in Malaysia. An examination of the implications of poor literacy on society and the country can be conducted for further research.*

**Keywords:** *fall behind, literacy, education, remedial, COVID-19*

### **Abstrak**

Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati bahawa masih ada keciciran murid dalam penguasaan literasi bahasa Melayu. Justeru itu, untuk meningkatkan keupayaan literasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat anjakan besar dengan melaksanakan beberapa langkah efektif dalam mengekang isu ini. Sehubungan dengan itu, kertas konsep ini bertujuan memperincikan beberapa faktor yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang berlakunya keciciran murid-murid Pemulihan Khas dalam pendidikan.

Antaranya penularan pandemik COVID-19, kemahiran membaca yang sangat lemah, kekurangan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersesuaian, serta terdapat beberapa beberapa faktor dalaman dan luaran telah dikenal pasti sebagai antara punca keciciran pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas. Oleh itu, langkah- langkah mengatasi berlakunya keciciran turut diperincikan. Justeru, pelbagai langkah telah diambil oleh semua pihak terutamanya guru, sekolah, kementerian mahupun kerajaan dalam membendung penularan masalah ini. Antaranya adalah bimbingan daripada guru-guru, program pendidikan pemulihan, dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk menarik minat pelajar supaya tidak tercicir. Usaha dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak perlu dilakukan bagi melonjakkan sektor pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan era globalisasi terkini. Kajian ini diharapkan dapat menjadi pendorong kepada kajian selanjutnya bagi merapatkan jurang pendidikan di Malaysia. Bagi lanjutan kajian, dicadangkan untuk mengkaji kesan dan implikasi terhadap masyarakat dan negara akibat daripada keciciran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

**Kata Kunci:** keciciran, literasi, pendidikan, pemulihan khas, COVID-19

## **Pengenalan**

Program Pemulihan Khas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semenjak tahun 1960-an bagi membantu pelajar di sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran, iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) yang kompleks. Program ini dijalankan oleh guru yang khusus, di ruang yang khusus (Jabatan Pendidikan Khas, 2008). Program Pemulihan Khas mengutamakan prinsip “menyelesaikan masalah seawal mungkin” supaya masalah tidak menjadi kronik dan berterusan sehingga ke Tahap Dua sekolah rendah dan ke peringkat sekolah menengah. Perbezaan minat, bakat, pengalaman serta gaya belajar individu dan murid mengakibatkan segolongan mereka lambat atau terbelakang menguasai sesuatu kemahiran berbanding rakan sebayanya. Sekiranya murid-murid ini tidak diberikan pendidikan pemulihan, mereka bermungkinan gagal memperoleh pendidikan yang diperlukan dan potensi mereka akan malap. Menurut Roslan Chin & Nurahimah Yusoff (2017), murid Pemulihan Khas ialah kanak-kanak yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) disebabkan oleh faktor persekitaran dan bukan kognitif. Ciri-ciri ini dapat dilihat pada murid-murid Pemulihan Khas, iaitu dari aspek emosi, tingkah laku, sosial, kesediaan belajar, kesihatan dan pengamatan (Nurul Haniza Samsudin et al., 2017).

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memulakan kelas perintis untuk murid-murid Bermasalah Pembelajaran ke arah pelaksanaan pendidikan untuk semua ke seluruh negara (Mohd. Sharani Ahmad, 2004). Murid-murid yang mengalami masalah pembelajaran berupaya untuk menerima pendidikan yang sesuai dengan kemampuan dan perkembangan mereka secara menyeluruh. Melalui Program Pemulihan Khas, keperluan-keperluan murid berpencapaian rendah dapat dikenalpasti dan dipenuhi. Pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kurikulum ini merupakan satu usaha untuk kembali kepada asas pendidikan dengan memberi fokus kepada 3M (membaca, menulis, dan mengira) dan pelajar yang tidak menguasainya dibantu melalui Program Pemulihan

Khas. Pengajaran dan pembelajaran pada Tahap Satu (Tahun 1 hingga 3) akan membolehkan guru-guru mengenal pasti murid yang mempunyai masalah penguasaan asas 3M.

Terdapat beberapa jenis program pemulihan yang dijalankan mengikut silibus KBSR, sama ada dalam kelas biasa dan dalam kelas khas. Antara program yang dijalankan di dalam kelas adalah seperti Kelas Intervensi Awal membaca dan Menulis (KIA2M), Pelaksanaan Program Pemulihan 3M (PROTIM) selain daripada aktiviti pemulihan dalam kelas manakala Program Pemulihan Khas pula dijalankan di kelas khas menggunakan Sistem Penarikan Keluar (*withdrawal system*). Melalui program *Withdrawal System* ini, murid yang dikenal pasti mempunyai masalah pembelajaran disaring melalui ujian saringan. Mereka akan ke kelas pemulihan pada waktu tertentu sahaja, iaitu semasa subjek bahasa Melayu dan Matematik dan akan dihantar semula ke kelas biasa setelah menguasai kemahiran asas yang ditentukan. Seterusnya, pihak sekolah juga berusaha menyediakan Program Pemulihan Khas bagi mengatasi masalah penguasaan asas 3M. Fokus ke arah membasmi masalah 3M ini turut termaktub dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PPIP) 2006 hingga 2010. Melalui Teras Ketiga pelan tersebut, iaitu memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan Teras Keempat, merapatkan jurang pendidikan. Melalui kedua-dua teras ini, beberapa pelan tindakan dirancang untuk memastikan murid-murid menguasai kemahiran asas 3M semasa di Tahap Satu.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mendapati bahawa masih ada murid yang ketinggalan dalam penguasaan literasi bahasa Melayu. Justeru itu, untuk meningkatkan keupayaan literasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat anjakan besar dengan melaksanakan sebuah Program Literasi dan Numerasi yang dinamakan Program *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) sejak dari tahun 2009. Program LINUS merupakan program yang mengenal pasti permasalahan keciciran murid dalam kalangan Tahun Satu hingga Tiga yang sukar menguasai kemahiran membaca dan menulis. Program ini telah dilaksanakan untuk memberi penambahbaikan kepada Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) yang hanya menumpukan pada Tahun Satu sahaja. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mendapati program ini perlu diperkukuhkan untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah keciciran penguasaan literasi sejak peringkat awal kanak-kanak lagi. Program LINUS ini telah menggantikan Program KIA2M bermula pada tahun 2009.

Sehubungan dengan itu, setiap sekolah perlu memperkenalkan inisiatif sendiri dalam merangka program masing-masing supaya bersesuaian dengan keperluan murid di sekolah mereka. Langkah menghentikan program LINUS antara lain kerana pihak kementerian tidak lagi menyediakan bahan atau modul sesuatu program melalui kementerian yang diperturunkan ke peringkat sekolah. Sebaliknya, pihak sekolah perlu melaksanakan program mengikut acuan sendiri. Program LINUS yang diperkenalkan pada Ogos 2009 merupakan sebahagian daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara atau dikenali sebagai *National Key Result Areas* (NKRA). NKRA merupakan usaha kerajaan Malaysia untuk memenuhi keperluan rakyat selepas Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12). NKRA diperkenalkan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak pada 11 Julai 2009. Pelaksanaan Program LINUS mensasarkan sebanyak 100 peratus murid Tahun Tiga menguasai kemahiran literasi dan numerasi sebelum belajar di Tahun Empat (kecuali Murid Bekerperluan Khas [MBK]). Penekanan kepada penguasaan minimum dan pembelajaran berkonsepkan didik hibur (*fun learning*) membuktikan

sistem pendidikan negara kini berada pada landasan yang betul. Hal ini demikian kerana keputusan UPSR pada tahun 2018 didapati telah mencapai sasaran dengan penurunan peratusan murid gagal dalam semua mata pelajaran (semua E) berbanding sebelumnya (Amin Senin, 2018).

Kini, *Primary Literacy and Numeracy* (PLaN) sedang dilaksanakan di sekolah rendah sejak Mac 2020 selepas pemansuhan LINUS pada 2019 dan PROTIM 2017. Program-program yang dilaksanakan ini telah membuktikan Program Pendidikan Pemulihan Khas sentiasa diambil berat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) demi mencapai bangsa Malaysia yang celik literasi dan numerasi. Jurang pendidikan yang disebabkan oleh keciciran dalam pengajaran dan pembelajaran didapati masih wujud dan akan berkurangan apabila semua pihak akan perkembangan semasa dunia pendidikan terutamanya yang melibatkan murid-murid pemulihan khas. Murid pemulihan khas juga sering disalah tafsir sebagai Murid Pendidikan Khas, iaitu murid yang mempunyai kad Orang Kurang Upaya (OKU) atau Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Namun, tidak semua murid pemulihan khas ialah MBPK. Sebahagian besar murid pemulihan khas ialah murid yang tercicir dalam pembelajaran, tidak minat terhadap subjek tertentu atau murid yang bermasalah tingkah laku. Hanya segelintir MBPK yang terlibat dalam program pemulihan khas dengan syarat-syarat tertentu. Guru pemulihan khas pula merupakan guru terlatih dan mempunyai kepakaran yang khusus bagi membantu murid yang lemah untuk mengatasi masalah 3M. Bermula bulan Februari 2022, guru pemulihan khas dikehendaki melabelkan murid pemulihan khas dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) selepas setiap fasa penilaian pelepasan. Jadual waktu guru pemulihan khas ditentukan berdasarkan keperluan kelas berpandukan jadual induk sekolah.

Oleh itu, program pemulihan merupakan satu pendekatan bagi mengatasi murid-murid yang lemah dalam kemahiran yang tertentu. Perhatian guru yang serius dalam memenuhi tuntutan murid ini dapat membantu mengembangkan potensi dan meningkatkan keyakinan murid tersebut untuk bersaing dengan rakan mereka yang cerdas. Murid-murid sekolah rendah merupakan aset negara pada masa hadapan bagi meneruskan kesinambungan bangsa dalam memajukan negara menjelang Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, wujudnya jurang pemisah dalam membangunkan generasi muda dalam keseimbangan potensi individu. Penekanan dalam konsep kepelbagaian kecerdasan serta perbezaan individu murid menjadikan pendidikan pemulihan sebagai pilihan dalam membantu mereka agar berjaya mencapai matlamat kehidupan dan kejayaan sistem pendidikan di negara ini. Sehubungan itu, pemulihan merupakan satu pendekatan yang berbeza daripada kelas biasa dalam sistem persekolahan kebangsaan. Pendidikan pemulihan berfokuskan objektif memulihkan sesuatu kekurangan atau sesuatu kecacatan dalam membentuk kemahiran pembelajaran murid (Jabatan Pendidikan Khas, 2008). Justeru secara ringkasnya, kertas konsep ini mengupas berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi keciciran murid-murid pemulihan khas di sekolah rendah dalam pembelajaran pada masa kini. Selain itu, kertas konsep ini juga mengupas berkaitan langkah-langkah dalam mengatasi isu keciciran dalam pembelajaran bagi murid-murid pemulihan khas di sekolah rendah di Malaysia.

## **Faktor yang Mempengaruhi Keciciran Murid-murid Pemulihan Khas Sekolah Rendah**

Faktor pertama yang mempengaruhi keciciran pembelajaran dalam kalangan murid-murid pemulihan khas di sekolah rendah adalah penularan pandemik COVID-19 menyebabkan murid-murid berdepan masalah pembelajaran. Pada tahun 2019, seluruh dunia digemparkan dengan penularan satu wabak yang dikenali sebagai COVID-19 yang mula merebak di daerah Wuhan, China. Angka penularan semakin tidak terkawal malah merebak luas ke luar negara China. Rentetan itu, *World Health Organization* (WHO) mengkategorikan penularan COVID-19 ini sebagai satu pandemik (Ghebreyesus, 2020). Menurut Mustafa (2020); Sahu (2020); dan Ishak Abd Rahman & Ainul Afzan Ramli (2021), pandemik yang berlaku turut memberi pengaruh kepada sistem pendidikan di seluruh dunia. Pada 18 Mac 2020, kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara dengan sektor pendidikan di peringkat universiti, sekolah menengah, rendah hingga prasekolah ditutup sementara bagi mengekang penularan virus ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Perintah Pergerakan Kawalan (PKP) telah dikuatkuasakan oleh kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia. Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Pergerakan Kawalan (PKP) yang bermula dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 bagi PKP Fasa 1, PKP Fasa 2 (bermula dari 1 hingga 14 April 2020), PKP Fasa 3 (bermula dari 15 hingga 28 April) dan PKP Fasa 4 (bermula dari 29 April hingga 12 Mei) (Rahayu Ahamad Bahtiar et al., 2022; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Pengisytiharan ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor termasuk pendidikan. Sesi pembelajaran tetap dijalankan, tetapi dengan menggunakan pembelajaran atas talian sebagai alternatif untuk menggantikan semua aktiviti secara bersemuka (Norhafinas Abd Latib et al., 2021; Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman, 2021; Nor Asmah Abdullah & Muhammad Syawal Amran, 2021; Ishak Abd Rahman & Ainul Afzan Ramli, 2021). Dapatan kajian oleh Safwana Nur Widad Safri et al., (2020) dan Ishak Abd Rahman & Ainul Afzan Ramli (2021) menyatakan salah satu cara bagi memastikan kelangsungan pembelajaran dapat diteruskan dalam situasi negara menjalankan PKP ialah melalui pelaksanaan e-pembelajaran. E-pembelajaran merupakan pembelajaran dalam talian yang membolehkan para pelajar dan pendidik berhubung walaupun tidak berada dalam ruang yang sama (Abdul Hanan Jasni & Muhammad Hussin, 2020).

Bagi pendidikan awal kanak-kanak, bulan Mac adalah terlalu awal untuk kanak-kanak menguasai pelbagai ilmu akademik khususnya kemahiran membaca. Tempoh tiga bulan pertama di tadika adalah peringkat penyesuaian diri (Chahaya Abdul Manan, 2020). Dalam tempoh dua bulan setengah sesi persekolahan 2020, rata-rata murid di tadika swasta atau kerajaan mula mengenali nama abjad. Dalam fasa ini, murid diperkenalkan dengan bentuk bunyi, nyanyian atau menghafal huruf. Contohnya, pengenalan huruf vokal mengambil masa dua hingga tiga minggu bagi murid normal menguasainya dan tempoh masa yang lebih lama akan diambil jika melibatkan kanak-kanak yang memiliki ciri-ciri anak istimewa seperti *mild autisme* (Chahaya Abdul Manan, 2020). Masalah ini berlanjutan apabila sekolah juga ditutup dan murid tidak dapat menyertai sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dengan berkesan. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ialah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di sebarang lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian atau luar talian atau *off-site* dengan berstruktur dan terancang. PdPR dilaksanakan apabila murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana atau wabak atau sebab-sebab lain dengan kelulusan pendaftar negeri (Kementerian Pendidikan

Malaysia, 2020). Masalah 3M sememangnya wujud sebelum COVID-19 dan penutupan sekolah yang berlarutan akan menjadikannya lebih serius. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di rumah secara dalam talian turut memberikan satu impak baharu dalam dunia pendidikan. Hal ini demikian kerana guru dan murid perlu bersedia menggunakan teknologi yang sedia ada dengan dilengkapi rangkaian internet dan peranti mudah alih (Syafnie Syahirah Rosli, & Nor Azwan Nor Shaib, 2022). Selain itu, PdPR juga dilihat sebagai kaedah yang agak sukar dalam mewujudkan komunikasi dua hala. Kaedah pembelajaran dalam talian tidak dapat dilaksanakan dengan baik apabila komunikasi dua hala antara pelajar dengan guru sukar diwujudkan (Lapada et al., 2020; Nambiar, 2020). Hal ini akan menyumbang kegagalan dalam mencapai objektif pembelajaran. Namun demikian walaupun semua murid sekolah rendah dan pelajar Tingkatan Satu hingga Empat dalam negeri dikenakan PKP, mereka terus mengikuti pembelajaran melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPC) mengikut kesesuaian guru dan murid mulai 20 Januari 2022 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) turut mengingatkan pandemik COVID-19 akan menjadikan sistem pendidikan terganggu pada skala yang paling besar dalam sejarah, iaitu telah menjejaskan hampir 1.6 bilion murid dari 190 negara (Siva Selan, 2021).

Seterusnya, faktor kedua yang mempengaruhi keciciran pembelajaran dalam kalangan murid-murid pemulihan khas ialah kemahiran membaca. Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Ir Dr. Rizalafande Che Ismail (Dalam Noor Sara Mashitoh Mohamad Hanif, 2022) berkata terdapat ramai pelajar sekolah rendah mengalami masalah buta huruf dan tidak dapat menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Murid-murid pemulihan khas ini memerlukan pemulihan literasi kerana penguasaan terhadap literasi merupakan kemahiran asas yang sangat penting supaya dapat meningkatkan kadar celik huruf sekaligus meningkatkan kemahiran membaca bahasa Melayu dengan lebih baik. Ketua Pengarah UNESCO, Audrey Azoulay dalam Persidangan Antarabangsa Pendidikan Dewasa Ketujuh (Dalam Salmah Jan Noor Muhammad, 2023) di Marrakesh, Maghribi, mengesahkan isu buta huruf merupakan isu global. Menurut beliau, dianggarkan sebanyak 770 juta orang daripada golongan muda dan dewasa termasuk dalam kelompok ini. Buta huruf merupakan kelompok yang tidak menguasai aspek membaca, menulis dan mengira (3M) pada umur yang sepatutnya. Asas utama dalam memartabatkan bahasa Melayu ialah dengan mewajibkan pengajaran bahasa Melayu bermula dari sekolah rendah, iaitu mendedahkan murid-murid dengan perkataan-perkataan yang mudah, sesuai dengan umur dan tahap keupayaan mereka. Semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilakukan di dalam kelas pemulihan, kebanyakan murid tidak mahir membaca dan mengeja suku kata. Keadaan ini menyebabkan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tidak berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dan menimbulkan rasa bosan bagi murid yang sudah tahu membaca ayat yang mudah. Disebabkan mereka tidak dapat membaca, secara tidak langsung masalah disiplin seperti membuat bising dan mengganggu rakan-rakan sebaya yang lain berlaku.

Kesannya, sesi pembelajaran terganggu dan murid tidak dapat memahami sepenuhnya kandungan mata pelajaran yang disampaikan. Prestasi akademik murid terganggu dan menyebabkan tekanan perasaan yang menjejaskan emosi serta kesihatan mental mereka. Menurut Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran bahasa Melayu berpunca daripada ketidakcekapan mereka menguasainya. Kelemahan dalam kemahiran

membaca seperti keliru mengecam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak diketahui makna atau gagal membunyikannya. Hal ini menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak dan pastinya menjadikan murid-murid tidak memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut. Isu kegagalan menguasai bacaan dengan baik ini memerlukan perhatian yang serius kerana kaitannya dengan kemajuan negara. Masalah membaca yang dihadapi oleh murid-murid ini telah memberikan kesan terhadap pencapaian murid-murid tersebut. Mereka bukan sahaja menghadapi masalah dalam mata pelajaran bahasa Melayu, malah menjejaskan hampir semua mata pelajaran yang lain. Apabila seseorang murid tidak menguasai kemahiran membaca, maka akan menyebabkan mereka tidak menguasai kemahiran asas, iaitu kemahiran lisan. Penguasaan membaca dalam kalangan murid sekolah juga masih rendah. Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Kuantan pada 2018, Mohd Razali Mustaffar mendedahkan sebanyak 44 peratus atau 3,677 daripada 8,256 murid tahun satu di daerah itu tidak mengenal huruf dan tidak tahu membaca. Lebih kurang 3,800 murid berkeperluan khas yang menduduki Peperiksaan Alternatif Sekolah Rendah (PASR) dan sekitar 20.0% belum mahir membaca (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) adalah manifestasi terkini dan komprehensif peralihan kerajaan daripada pendidikan rendah kepada pengajian tinggi. Salah satu perubahan yang dibawa adalah untuk menyediakan akses yang sama kepada pendidikan berkualiti tinggi antarabangsa. Hal ni bagi memastikan tidak berlaku sebarang keciciran bagi setiap murid di Malaysia untuk mendapat pendidikan bagi merealisasikan cita-cita dan potensi yang ada (Shuhaila Ab. Jawas & Hafizah Zulkifli, 2022).

Di samping itu, faktor ketiga yang mempengaruhi keciciran pembelajaran dalam kalangan murid-murid pemulihan khas adalah kekurangan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid pemulihan khas. Bahan-bahan tersebut merupakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) sedia ada dan digunakan secara berulang kali di dalam kelas pemulihan. Situasi ini menjadikan murid-murid pemulihan khas mudah bosan dan sukar menumpukan perhatian dalam pembelajaran membaca di dalam kelas. Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan salah satu faktor yang mampu menyumbang kepada peningkatan kemahiran membaca. Oleh itu, guru perlu menghasilkan pelbagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai serta menentukan aktiviti yang lebih kreatif di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Shaharom Noordin & Nur Faizah Zainal Abiden, 2010). Pemilihan Bahan Bantu Mengajar yang sesuai dengan sukatan dan tahap murid amat penting bagi memastikan keberkesanan sesuatu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pemilihan Bahan Bantu Mengajar yang menarik juga penting untuk mengekalkan tumpuan kanak-kanak terhadap pengajaran guru (Norazizah Mohamed Norok, & Khairul Farhah Kamaruddin, 2022). Justeru, guru perlu mempunyai tahap kesediaan yang tinggi bagi mengaplikasikan pelbagai kaedah dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Musa et al., 2021) termasuklah kaedah bermain sambil belajar. Pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran amat penting dan perlu diambil perhatian oleh warga pendidik bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Norazizah Mohamed Norok, & Khairul Farhah Kamaruddin, 2022). Aspek kandungan, pendekatan, kaedah dan aktiviti serta kekuatan bahan yang digunakan dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) adalah kunci kepada keberkesanan proses PdPc guru (Suhaimi Muhamad, 2007). Dapatan ini turut disokong oleh Rosnani Jusoh (2012) dan Suhaimie Moridan (2013), iaitu kesediaan guru dari segi sikap, pengetahuan dan minat menggunakan

kaedah yang disesuaikan dengan keperluan murid menjadi asas kepada PdPc yang berkesan. Peningkatan kualiti proses pengajaran, tenaga dan masa yang digunakan dapat memupuk kecenderungan dan minat murid untuk belajar dan suka datang ke sekolah dengan cara pemilihan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersesuaian (Kamarul Azmi & Ab Halim Tamuri, 2007). Syar Meeze Mohd Rashid (2017) dalam kajiannya menyebut bahawa guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar yang sesuai dengan tahap keupayaan murid berdasarkan faktor kekurangan yang dimiliki. Sementara itu, kurikulum bagi abad ke-21 pula didapati bersesuaian dengan peredaran zaman bagi memenuhi matlamat-matlamat yang telah ditetapkan. Penguasaan kurikulum termasuk juga penguasaan merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan pengajaran (Rosnah Ishak et al., 2017). Kompetensi seseorang guru juga diukur berdasarkan penguasaan kurikulum (Siti Rubiyani Omar, 2020).

Kebergantungan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) oleh guru-guru terhadap kementerian atau jabatan ialah dari aspek peruntukan yang diberikan. Penggunaan BBM tidak dapat dilaksanakan secara meluas jika pihak kementerian atau jabatan tidak berperanan menyediakan peruntukan kepada sekolah yang memerlukan. Peruntukan yang disalurkan kepada sekolah untuk kegunaan guru-guru adalah berbentuk kelengkapan peralatan ataupun sumber kewangan (Wan Zah Wan Ali et al., 2009; Mohd Izham et al., 2009). Menurut Wan Zah Wan Ali et al. (2009) pula, kementerian memperuntukkan sejumlah kos untuk memperbaiki garis panduan penggunaan BBM supaya guru mampu untuk mengikutinya. Berdasarkan kenyataan kajian-kajian lalu, dapat dijelaskan bahawa peruntukan akan bertambah sekiranya pihak sekolah mempunyai sasaran yang tinggi dalam penggunaan BBM. Sebaliknya, tidak semua sekolah yang menerima peruntukan tersebut dan hanya sekolah-sekolah terpilih sahaja yang menerimanya. Peruntukan yang disalurkan tidak termasuk kos untuk penyelenggaraan jika berlaku kerosakan (Ozdemir & Kilic, 2007; Almutairi, 2009; Somyurek et al., 2009). Kenyataan ini disokong oleh Akakandelwa & Munsanje Joseph (2012), iaitu 52.5 peratus guru mencadangkan kerajaan atau kementerian menambah peruntukan supaya mencukupi untuk keperluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya untuk tujuan penyelenggaraan. Berdasarkan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan faktor penyumbang kepada permasalahan bagi murid-murid pemulihan untuk menguasai bacaan. Kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang menarik, pelaksanaan pengajaran pemulihan khas tidak dapat dijalankan dengan teratur dan sistematik. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya memperkenalkan aplikasi perisian khusus untuk menyokong aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah seperti penggunaan perisian BBM multimedia kepada guru-guru. BBM berbentuk multimedia ini dapat mengintegrasikan teks atau mempersembahkan maklumat dengan bahan-bahan media yang lain seperti audio, imej, grafik, klip video dan sebagainya bagi memenuhi keperluan, keinginan dan menimbulkan motivasi serta minat pelajar (Mertler, 2014). Hal ini kerana PdP bahasa Melayu memerlukan kaedah yang mampu merangsang minat murid-murid pemulihan khas. Salah satu caranya adalah melalui pembinaan BBM yang kreatif oleh guru-guru pemulihan khas. Pemilihan bentuk teknologi yang sesuai dalam PdP penting bagi memastikan keperluan akademik murid dapat ditingkatkan. Kajian yang dijalankan oleh Nurul Haniza Samsudin (2017) mendapati pembinaan BBM konkrit seperti model istana dan kapal bertemakan cerita rakyat dapat menarik minat pelajar. Walau bagaimanapun, BBM berbentuk konkrit boleh digantikan dengan BBM yang berasaskan multimedia. Guru harus mempunyai kemahiran asas teknologi dan menjadikan guru-guru berminat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Guru-guru perlu menyesuaikan



pengajaran mereka dengan keadaan semasa dan mengaplikasikan kaedah-kaedah pengintegrasian teknologi terkini yang relevan dalam masyarakat bermaklumat (Jauriah Md Azali et al., 2022).

Akhir sekali, faktor yang mempengaruhi keciciran pembelajaran dalam kalangan murid-murid pemulihan khas turut dikaitkan dengan faktor dalaman dan luaran yang membentuk latar belakang murid sehingga memberi kesan dalam pembelajaran mereka. Faktor kesediaan belajar murid dan latar belakang keluarga merupakan aspek utama menyebabkan keciciran dalam penguasaan kemahiran membaca (Norlela Ahmad et al., 2021). Kesediaan belajar murid amat penting dalam membentuk tabiat belajar. Sekiranya individu belum bersedia untuk belajar, maka akan berlakulah permasalahan dalam pembelajaran kemahiran membaca. Murid-murid tidak menguasai kemahiran asas membaca berpunca daripada kesediaan belajar mereka yang rendah seperti sikap pasif, kurang berkeyakinan, dan malas berusaha untuk membaca. Mereka juga kurang motivasi diri dan tidak berminat untuk belajar perkara yang dirasakan sukar (Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman et al., 2021). Faktor utama yang mempengaruhi murid lemah dalam kemahiran membaca ialah sikap dan minat murid itu terhadap penguasaan bahasa Melayu (Usha Nagasundram & Vijayaletchumy Subramaniam, 2019). Latar belakang dan pengaruh keluarga juga memainkan peranan penting dalam membentuk penguasaan murid-murid dalam membaca. Taraf sosioekonomi keluarga murid, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah, serta persekitaran pembelajaran di rumah yang kurang memberangsangkan menjadi punca masalah ini (Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman et al., 2021). Sikap kebergantungan ibu bapa kepada pihak sekolah, serta kesibukan mencari rezeki menyebabkan pembelajaran membaca anak mereka terabai (Norlela Ahmad et al., 2021). Ibu bapa mempunyai pengaruh yang besar terutamanya dalam menentukan kejayaan anak-anak dalam pelajaran kerana sokongan fizikal dan moral, khususnya anak-anak golongan B40 yang membesar dalam keadaan sosioekonomi yang tidak stabil (Allang et al., 2019). Kenyataan ini turut disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod et al., (2021), iaitu murid-murid yang kurang lancar membaca dan menulis dalam bahasa Melayu kebanyakannya terdiri daripada keluarga B40. Kajian berkaitan hal ini telah dilakukan di pelbagai tempat bagi mengetahui punca dan masalah yang menyebabkan murid-murid daripada golongan B40 ini tidak boleh membaca dan menulis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua murid golongan B40, sama ada kaum Melayu, Cina, dan India mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca serta menulis yang sangat terhad.

Antara isu pembelajaran yang sering dialami oleh pelajar golongan B40 ialah tahap kemahiran membaca dan menulis yang rendah, tahap kehadiran ke sekolah yang rendah, sering ketinggalan dalam pembelajaran, hilang daya tumpuan dan motivasi dalam pembelajaran (Wan Nur Izzati Hazwani Kashfi et al., 2022). Masih terdapat segelintir golongan anak-anak pelajar B40 yang ketinggalan pembelajaran seterusnya menyebabkan mereka tercicir dan tidak mendapatkan akses pendidikan yang sewajarnya (Wan Nur Izzati Hazwani Kashfi et al., 2022). Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), 39.6 peratus rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan bandar hanya berpendidikan peringkat sijil SPM, 11 peratus berkelulusan diploma dan 37 peratus berkelulusan lanjutan (Norfarahzatul Asikin Zakari et al., 2022). Menurut kajian-kajian terdahulu, terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada masalah pembelajaran anak-anak pelajar B40 seterusnya menyebabkan mereka ketinggalan dan tercicir dalam pendidikan.

Antaranya ialah faktor sosioekonomi keluarga, personaliti pelajar, budaya dan persekitaran, pengaruh rakan sebaya serta cara pengajaran guru (Subra et al., 2019; Norfarahzatul Asikin Zakari et al., 2022). Selain itu, sikap, minat dan motivasi pelajar, kurang kesedaran dan penglibatan ibu bapa serta masalah ketidakstabilan ekonomi juga dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar B40 (Zarinah Arshat et al., 2018; Zulliana Hasan et al., 2021). Murid-murid daripada keluarga B40 menghadapi masalah dalam kemahiran membaca dan menulis. Menurut Zamri Mahamod et al. (2021), tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan kanak-kanak B40 berada di tahap yang rendah. Kebanyakan murid B40 kurang fasih membaca serta tidak dapat memahami perkara yang dibaca. Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2021), sebanyak 21,316 kanak-kanak dilaporkan tercacir daripada sistem persekolahan arus perdana bagi tempoh Mac 2020 hingga Julai 2021. Selain itu, peratusan kemasukan ke sekolah juga mengalami penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya, iaitu terdapat penurunan sebanyak 2.2 peratus pada peringkat prasekolah, 0.5 peratus pada peringkat Menengah Rendah dan 1.2 peratus pada peringkat Menengah Atas pada tahun 2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Rata-rata pelajar yang tercacir terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan tinggal di luar bandar yang tidak mampu lagi untuk menanggung persekolahan anak-anak mereka.

### **Langkah Mengatasi Masalah Keciciran Murid-Murid Pemulihan Khas di Sekolah Rendah**

Terdapat beberapa langkah dalam mengatasi masalah keciciran murid-murid pemulihan khas di sekolah rendah di Malaysia. Antaranya ialah melalui bimbingan daripada guru-guru. Murid Bermasalah Pembelajaran tidak boleh menguasai asas bacaan dengan baik tanpa bantuan dan bimbingan guru (Norleena Gutasan et al., 2021). Guru memainkan peranan penting bagi mewujudkan kesediaan belajar dalam kalangan murid-murid. Antaranya, guru haruslah kreatif mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti pembelajaran koperatif, kerja berkumpulan dan berpasangan supaya berlaku bimbingan rakan sebaya. Murid-murid yang kurang bersedia akan dibantu oleh murid yang bersedia. Guru haruslah menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai dengan tahap kesediaan murid untuk belajar (Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman, 2021). Para guru bahasa Melayu perlu merangka aktiviti dan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang menarik dalam membantu murid-murid lemah menguasai kemahiran membaca (Usha Nagasundram & Vijayaletchumy Subramaniam, 2019). Pemerkasaan guru melalui aktiviti-aktiviti atau program seperti bengkel, latihan dalam kumpulan, *Professional Learning Community* (PLC) dan kursus membantu guru-guru mengembangkan dan memperkukuhkan lagi ilmu sedia ada serta kreatif dalam merancang, mempelbagaikan kaedah, teknik dan bahan bantu mengajar berdasarkan keperluan murid (Norliah Mohd. Amina & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2016). Bagi meningkatkan tahap pemahaman murid dalam sesuatu pengajaran, guru perlu menggunakan BBM (Norazizah Mohamed Norok, & Khairul Farhah Kamaruddin, 2022). Kementerian Pendidikan Malaysia juga memberi penekanan terhadap program pemerkasaan guru bagi menghasilkan kualiti guru yang berdaya saing, berketerampilan, menguasai penggunaan teknologi terkini, bersikap profesional serta memiliki pemikiran yang kreatif dan kritis (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Guru perlu meneroka strategi pengajaran yang digunakan dalam meningkatkan kemahiran membaca murid-murid ketika mengajar. Pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti yang dipilih dan dirancang oleh guru untuk mencapai objektif pengajaran adalah bergantung kepada strategi pengajaran. Strategi pengajaran guru berpusatkan bahan bagi kemahiran membaca dan berpusatkan aktiviti bagi kemahiran menulis amat membantu penguasaan literasi murid (Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod, 2021). Oleh itu, pentingnya program latihan guru yang bermakna dan berimpak terhadap perkembangan membaca kanak-kanak (Counihan et al., 2021). Guru dapat mengenal pasti tahap kesediaan belajar murid dalam pembelajaran dan menyusun semula strategi pengajaran dan pembelajaran di kelas selain merancang kaedah mengajar yang berkesan untuk menghasilkan satu produk yang bermutu tinggi (Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman, 2021). Guru juga memainkan peranan dalam mempelbagai cara pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Usha Nagasundram & Vijayaletchumy Subramaniam, 2019). Guru Pemulihan Khas perlu kreatif kerana mereka sering berhadapan dengan pelbagai situasi murid yang mempunyai kepelbagaian kefungsiian, kategori dan tahap pembelajaran. Hal ini dapat mengurangkan risiko berlakunya dominasi Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan peralatan mainan dalam menjalankan kaedah bermain sambil belajar. Selain itu, guru perlu kreatif dalam mencipta permainan baharu, memodifikasi permainan lama untuk diaplikasikan dengan topik yang akan diajar supaya murid-murid pemulihan khas ini lebih berminat untuk menguasai kemahiran membaca. Kreativiti guru dalam menghasilkan aktiviti bermain yang boleh menggabungkan kesemua tahap murid amat membantu dalam menjayakan aktiviti pembacaan di dalam kelas. Guru memainkan peranan penting sebagai fasilitator di dalam kelas. Sebagai fasilitator, guru harus memberi bimbingan, mendorong dan memantau aktiviti murid-murid pemulihan khas sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlangsung tanpa membiarkan mereka bermain mengikut rentak sendiri. Perancangan yang teratur dan sistematik diikuti dengan pelaksanaan yang lancar dengan penggunaan bahan bantu belajar dan sumber manusia, keberkesanan kaedah ini akan memberi impak positif kepada murid-murid Pemulihan Khas untuk terus meningkatkan tahap prestasi mereka dalam menguasai kemahiran membaca dengan lebih cepat.

Seterusnya, langkah dalam mengatasi masalah keciciran pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas adalah dengan mempelbagaikan program pendidikan pemulihan. Bagi melihat keberkesanan program pendidikan pemulihan, terdapat beberapa kajian mengenai penyertaan murid-murid bermasalah pembelajaran terhadap program intervensi telah dijalankan. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat tahap penyertaan dan ciri-ciri persekitaran mereka berbanding pelajar normal (Şahin et al., 2020). Kajian ini turut disokong oleh penemuan kajian lain yang menyatakan bahawa program pemulihan bacaan yang melibatkan intervensi literasi perlu dijalankan awal bagi memberikan kesan pembelajaran jangka masa yang panjang untuk murid-murid yang mengalami masalah dalam pembelajaran terutamanya murid Pemulihan Khas (Hurry et al., 2021). Kesukaran membaca yang tidak ditangani pada peringkat rendah akan terus wujud di peringkat menengah dengan kesan yang lebih serius. Oleh itu, adalah penting untuk menyediakan pelajar bermasalah pembelajaran dengan sokongan bacaan khusus kerana ramai pelajar bermasalah pembelajaran menunjukkan halangan membaca dan berisiko untuk kehilangan motivasi (Barwasser et al., 2022). Jika dilihat data yang dikongsikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, seramai 21,316 orang pelajar telah berhenti sekolah semenjak Mac 2020 (*BERNAMA*, 2021; Ahmad Fadhlullah Adnan, 2021). Bilangan yang membimbangkan ini perlu diteliti punca dan akibatnya yang mana akan memberi impak yang negatif dan boleh

memudaratkan generasi yang akan datang (Khairun Nisa Abdul Mumen & Mohd Mahzan Awang, 2022). Rentetan itu juga komitmen pelajar semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) perlu dititikberatkan kerana secara langsung memberi kesan kepada kualiti pembelajaran semasa PKP dan seterusnya boleh mempengaruhi tahap prestasi pembelajaran pelajar (Zainuddin Wahono et al., 2021).

Langkah pertama dalam membantu kanak-kanak dengan kemahiran membaca yang rendah adalah untuk memperkenalkan sistem penyaringan di sekolah rendah. Tujuannya untuk mengenal pasti murid-murid yang memerlukan intervensi pada peringkat awal pendidikan mereka. Dalam beberapa dekad yang lalu di Itali, undang-undang baharu telah dibangunkan untuk memberikan garis panduan praktikal untuk rancangan pendidikan terbaik untuk kanak-kanak dengan *Specific Learning Disorder* (SLD). SLD adalah masalah berkaitan dengan membaca, menulis dan mengira. Matlamat kajian adalah untuk menentukan keberkesanan rawatan pendidikan pada SLD di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di bandar Barletta, Itali. Hal ini kerana pelajar dengan keperluan pendidikan khas merupakan kumpulan yang mempunyai kesukaran dalam pembelajaran daripada kumpulan kanak-kanak dan golongan muda yang sebaya mereka (Marchese et al., 2022). Oleh itu, disarankan murid prasekolah atau murid bermasalah pembelajaran diberi lebih banyak aktiviti pembelajaran dan peluang untuk melakukan sesuatu yang disukai. Perancangan sebelum pengajaran dan pembelajaran bermula amat penting bagi memastikan proses pembelajaran berlaku dengan lancar dan berkesan (Norazizah Mohamed Norok, & Khairul Farhah Kamaruddin, 2022). Mulai tahun 2015, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menasaskan semua murid prasekolah daripada pelbagai peringkat berupaya mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam kehidupan mereka melalui kemahiran penaakulan. Hal ini menunjukkan murid prasekolah yang bermasalah pembelajaran juga tidak terkecuali untuk menjayakan pelan tersebut (Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin, 2021).

Akhir sekali, langkah dalam mengatasi masalah keciciran pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas adalah penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) murid-murid. Pembinaan bahan sumber bantuan pengajaran seperti modul perlu diberi keutamaan untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan guru menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid (Hashimah Hussein et al., 2020). Aktiviti pengajaran yang sesuai penting untuk penerapan kemahiran berfikir kepada murid-murid Pemulihan Khas kerana golongan ini mempunyai pelbagai ketidakupayaan dari segi pembelajaran. Selain itu, guru Pemulihan Khas juga boleh menggunakan sumber manusia yang ada dengan meminta bantuan dari pembantu pengurusan murid untuk menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Hal ini kerana membantu guru menyediakan Bahan Bantu Belajar dan memastikan kelengkapan murid mencukupi merupakan salah satu tugas pembantu pengurusan murid (Bahagian Pendidikan Khas, 2015). Maka guru-guru pendidikan khas hendaklah sentiasa bekerjasama dengan pembantu pengurusan murid bagi menyediakan segala kelengkapan kelas, kelengkapan murid, Bahan Bantu Mengajar dan pelbagai lagi agar kaedah ini dapat diaplikasikan dengan berkesan. Guru perlu diberi peluang untuk meningkatkan keilmuan serta diberikan bahan sokongan untuk melaksanakan aktiviti pengajaran.

Melalui pengetahuan, kemahiran dan sokongan bahan seperti modul, kepelbagaian aktiviti pengajaran seperti penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan peta

pemikiran mudah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru Pemulihan Khas diyakini boleh menarik minat murid untuk kesediaan berfikir dan cuba menjawab soalan (Hashimah Hussein et al., 2020). Pembinaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mampu meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid Pemulihan Khas (Nurul Haniza Samsudin et al., 2017). Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dirancang secara sistematik menggunakan kaedah dan strategi yang bersesuaian dapat membantu murid meningkatkan penguasaan mereka dalam pelajaran serta meningkatkan tahap pencapaian murid dalam kemahiran membaca (Nor Qadariah Ishak & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2020). Penggunaan modul yang bersifat interaktif dapat meningkatkan pencapaian membaca murid pemulihan, di samping dapat menarik minat murid pemulihan untuk membaca dan seterusnya digunakan sebagai BBM di dalam kelas (Ratna Mohd Razali & Adenan Ayob, 2018).

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersesuaian, menarik dan mudah didapati membantu murid memahami dan fokus dalam pengajaran di dalam kelas. Guru Pemulihan Khas juga perlu kreatif dalam membina serta mengolah BBM kerana penggunaan bahan yang kurang menarik akan menyebabkan murid kurang fokus dalam pembelajaran (Nur Syafiqah Isa & Nurul Nazirah Mohd Imam Ma'arof, 2018). Oleh itu, guru perlu melakukan persediaan yang mantap daripada isi kandungan pengajaran, aktiviti dan BBM yang bersesuaian sebelum memulakan kelas. Perancangan dan persediaan yang rapi sebelum bermulanya sesi pengajaran disokong oleh Syed Kamaruzaman Syed Ali et al. (2019) dan Nor Fadilah Nadzri (2017). Perancangan dan persediaan yang rapi perlu bagi seseorang guru sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan hasil dan kualiti sesuatu pengajaran. Tahap penguasaan murid juga menjadi faktor penentu kepada pemilihan penggunaan BBM bagi kemahiran membaca. Penggunaan kaedah ini lebih mudah difahami oleh murid seterusnya menimbulkan minat murid-murid Pemulihan Khas dengan mata pelajaran bahasa Melayu. Setiap guru perlu mempunyai pengetahuan dan sokongan sepenuhnya dalam pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas yang terdiri daripada pelbagai ketidakupayaan. Penggunaan pelbagai strategi yang berbeza serta kesesuaian dengan kemampuan dan tahap setiap murid (Norfishah Mat Rabi, 2016). Selain daripada itu penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terdiri daripada bahan elektronik juga mampu memberikan keseronokan dan minat murid dalam menguasai kemahiran membaca dengan lebih cepat. Latihan berbentuk kuiz yang dilakukan secara dalam talian menarik minat murid Pemulihan Khas untuk mencuba sesuatu yang baharu. Gabungan elemen warna, bentuk dan muzik yang boleh dibangunkan oleh guru bagi pengajaran sesuatu topik mampu dilakukan dengan menggunakan bahan elektronik. Gabungan diantara suara, warna dan gambar menjadikan BBM yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi lebih memberi kesan kepada murid-murid terutamanya dalam menguasai kemahiran asas bacaan.

Dalam kajian Hanifah Mahat et al. (2020), penggunaan BBM berasaskan multimedia dalam mata pelajaran geografi telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Penggunaan elemen dan reka bentuk bagi BBM ini mampu menarik minat dan kefahaman murid seterusnya menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran itu menjadi menarik dan menyeronokkan. Terdapat dua jenis BBM menurut Kamarul Azmi Jasmi et al. (2011), iaitu buku teks, skrin *Liquid Crystal Display* (LCD), komputer riba, kertas mahjong, kertas edaran, buku rujukan dan modul adalah contoh bahan bantu pengajaran berbentuk pola. Bahan yang bukan berbentuk pola adalah seperti carta, kaset dan bahan lain yang

sedia ada ialah pilihan lain untuk bilik darjah yang kekurangan ruang atau sumber untuk membeli alat bantu mengajar khusus. Menurut Nur Elyani Musa & Minarnie Hadzira Mohamad (2014), terdapat dua kategori yang berbeza antara alat bantu mengajar elektronik dan bukan elektronik. Bahan pengajaran yang menggunakan media elektronik seperti televisyen, projektor, slaid dan radio serta filem dan bahan bantuan komputer. Kad imbasan, model, majalah, buku nota dan gambar yang berkaitan dengan pelajaran pula adalah contoh bahan pengajaran bukan elektronik. Oleh itu, persediaan yang rapi oleh guru-guru sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan BBM yang sesuai dengan tahap penguasaan murid mampu memberikan impak yang tinggi kepada murid-murid Pemulihan Khas (Nur Hana Kamarudin et al., 2022). Peranan guru sebagai pendidik dan pemudah cara dapat membantu murid dalam menguasai literasi bahasa Melayu dengan lebih baik pada masa akan datang.

## **Kesimpulan**

Kemahiran membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya. Pemahaman bacaan bergantung kepada gabungan pengetahuan bahasa, gaya kognitif dan pengalaman membaca. Keseluruhan kertas konsep ini telah membincangkan mengenai kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Melalui hasil kajian tersebut didapati terdapat beberapa isu dalam pendidikan pemulihan seperti isu penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), masalah pembelajaran bahasa dan sebagainya. Isu-isu ini didapati mempunyai hubungan dalam kualiti pendidikan Pemulihan Khas dalam menangani masalah pembelajaran murid-murid Pemulihan Khas Sekolah Rendah di Malaysia. Jika isu ini tidak diselesaikan, kualiti dalam program Pemulihan Khas akan dipersoalkan keberkesanannya dalam mengatasi masalah penguasaan literasi. Malah, kualiti yang dipersoalkan turut mencakupi kebolehan program ini menyelesaikan masalah penguasaan kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) kerana masih ramai kanak-kanak tidak menguasai kemahiran ini selepas tiga tahun pertama persekolahan. Hal ini akan menyebabkan berlakunya peningkatan keciciran murid-murid Pemulihan Khas dalam pembelajaran jika tidak dikekang dari awal. Cadangan untuk kajian pada akan datang adalah untuk mengkaji kesan dan impilkasi akibat daripada keciciran dalam pembelajaran bahasa Melayu terhadap masyarakat dan negara. Hal ini kerana untuk membentuk sebuah negara yang berdaya saing, pembangunan modal insan yang akan menjadi guna tenaga kepada negara memerlukan elemen yang sangat penting. Oleh itu, sistem pendidikan negara kita perlu melakukan anjakan paradigma kepada pendekatan yang lebih bertepatan dengan keperluan setempat bagi memastikan perkembangan pendidikan selaras dengan era globalisasi.

## **Rujukan**

- Abdul Hanan Jasni, & Muhammad Hussin. (2020, December 21-22). *Kebolehlaksanaan pengajaran secara atas talian di SMKA Dato Haji Abu Hassan Haji Sail, Negeri Sembilan* [Paper Presentation]. International Conference of Future Education and Advance, Zoom Webinar, Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian, & Zulkafli Abu Zarin. (2008, June 2-4). *Keupayaan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid Sekolah Rendah Kebangsaan Luar Bandar* [Paper Presentation]. Konvensyen Pendidikan Nasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Ahmad Fadhullullah Adnan. (2021, December 5). 21,316 murid berhenti sekolah: Segera lakukan pelan pemulihan pendidikan. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/12/21316-murid-berhenti-sekolah-segera-lakukan-pelan-pemulihan-pendidikan/>
- Akakandelwa, A., & Munsanje, J. (2012). Provision of learning and teaching materials for pupils with visual impairment: Results from a National Survey in Zambia. *The British Journal of Visual Impairment*, 30(1), 42-49. <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/0264619611428729>
- Allang, B. A., Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Anuar Ahmad. (2019). Influenced factors of B40 students' academic achievement. *Global Conference Series: Social Sciences Education and Humanities (GCSSEH)*, 2, 171-175. <https://doi.org/10.32698/Gcs.0192>
- Almutairi, A. (2009) *Perceptions of technology and technology education, years 7 to 10*. [Master's Thesis, Auckland University of Technology]. Auckland University of Technology. <https://openrepository.aut.ac.nz/server/api/core/bitstreams/6d1da581-1753-40c4-a43b-2cc5411a4205/content>
- Amin Senin. (2018). *Melangkah ke hadapan: Fokus & gerak kerja profesional KPPM 2018*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2015). *Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi*. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Barwasser, A., Nobel, K., & Grünke, M. (2022). Peer-reading racetracks for word reading of low-achieving graduating students with Learning Disabilities and Behavioural Problems. *British Journal of Special Education*, 49(2), 276-298. <https://doi.org/10.1111/1467-8578.12407>
- BERNAMA. (2021, December 6). Pelajar berhenti sekolah pada 2018 lebih tinggi berbanding tempoh Mac 2020-Julai 2021. *BERNAMA.com*. <https://bernama.com/bm/news.php?id=2030547>

- Chahaya Abdul Manan. (2020, July 8). Membaca awal usia pelapis ketamadunan bangsa. *BERNAMA*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1858122>
- Counihan, C., Humble, S., Gittins, L., & Dixon, P. (2021). The effect of different teacher literacy training programmes on student's word reading abilities in government primary schools in Northern Nigeria. *School Effectiveness and School Improvement*, 1–20. <https://doi.org/10.1080/09243453.2021.1991960>
- Ghebreyesus, T. A. (2020, Mac 11). *WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19*. World Health Organization. <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>
- Hanifah Mahat, Satryani Arshad, Yazid Saleh, Kadaruddin Aiyub, Mohmadisa Hashim, & Nasir Nayan. (2020). Penggunaan dan penerimaan bahan bantu mengajar multimedia terhadap keberkesanan pembelajaran geografi. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 16(3), 219-234. <http://journalarticle.ukm.my/15847/>
- Hashimah Hussein, Suppiah Nachiappan, Md Nasir Masran, & Syaza Syafeeqah Mohammad Khasnan. (2020). Analisis pemupukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(2), 34-47. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.2.4.2020>
- Hazlin Haris, & Khairul Farhah Khairuddin. (2021). Pelaksanaan pedagogi inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 197-210. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.666>
- Hurry, J., Fridkin, L., & Holliman, A. J. (2021). Reading intervention at age 6: Long-term effects of Reading Recovery in the UK on qualifications and support at age 16. *British Educational Research Journal*, 48(1), 5-21. <https://doi.org/10.1002/berj.3752>
- Intan Nur Syuhada Hamzah, & Zamri Mahamod (2021). Cabaran dan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran literasi membaca dan menulis bahasa Melayu bagi murid Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4(16), 57-77. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.416004>
- Ishak Abd Rahman, & Ainul Afzan Ramli. (2021). Isu dan cabaran dalam pelaksanaan pendidikan peringkat rendah dan menengah: Pendekatan Malaysia semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 1-13. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1043>
- Jabatan Pendidikan Khas. (2008). *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas*. Kementerian Pelajaran Malaysia.



- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas mengikut negeri dan daerah pentadbiran Putrajaya*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jauriah Md Azali, Nor Azurawati Ahmad Zuhdi, & Zainab Ahmad (2022). Aplikasi Bahan Multimedia Interaktif (MMI) dalam pengajaran dan pembelajaran: Suatu Tinjauan. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Science Research, [S.L.]*, 7(1), 8-20, <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/IJEISR/article/view/19848>>
- Kamarul Azmi, & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Amalan penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74. <http://www.ukm.my/jiae/Default.aspx>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Perangkaan tahunan pendidikan pelbagai tahun*. Percetakan Nasional Berhad (PNB).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Perangkaan tahunan pendidikan pelbagai tahun*. Percetakan Nasional Berhad (PNB).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021, February 2). *Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu 2.0*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4109-garis-panduan-pengurusan-dan-pengoperasian-sekolah-dalam-norma-baharu-2-0/file>
- Khairun Nisa Abdul Mumen, & Mohd Mahzan Awang. (2022). Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap komitmen pelajar di Negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1-21. e001349. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1349>
- Lapada, A. A., Miguel, F. F., Robledo, D. A. R., & Alam, Z. F. (2020). Teachers' COVID-19 awareness, distance learning education experiences and perceptions towards institutional

- readiness and challenges. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(6), 127-144. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.6.8>
- Marchese, F., Grillo, A., Mantovani, M. P., Gargano, G., Limone, P., & Indrio, F. (2022). Specific Learning Disorders and Special Educational Needs during COVID-19 Pandemic: Pilot survey study performed in local district schools in Italy. *Children*, 9(6), 825. <https://doi.org/10.3390/children9060825>
- Mertler, A. C. (2014). *Action research: Improving schools and empowering educators*. SAGE.
- Mohd Izham Mohd Hamzah, Noriah Mohd Ishak, Siti Rahayah Ariffin, & Salleh Amat. (2009). The roles of emotional intelligence and emotion focused solution: Developing Leadership Qualities among College Students. *International Journal of Interdisciplinary Social Sciences*. 4(6), 187-200. [https://cgscholar.com/bookstore/works/the-roles-of-emotional-intelligence-and-emotion-focused-solution?category\\_id=cgrn](https://cgscholar.com/bookstore/works/the-roles-of-emotional-intelligence-and-emotion-focused-solution?category_id=cgrn)
- Mohd. Sharani Ahmad. (2004). *Mengurus kanak-kanak yang susah belajar*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Musa, R. T, Nor Suriya Abd Karim, Nur Hamiza Adenan, Rawdah Adawiyah Tarmizi, Noor Wahida Md Junus, & Kelong, V. E. (2021). Tahap kesediaan guru pelatih Matematik UPSI dalam melaksanakan PAK 21. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 82-91. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/view/5137>
- Mustafa, N. (2020). Impact of the 2019–20 Coronavirus Pandemic on education. *International Journal of Health Preference Research*, 5(20). [https://www.researchgate.net/publication/340849956\\_Impact\\_of\\_the\\_2019-20\\_coronavirus\\_pandemic\\_on\\_education](https://www.researchgate.net/publication/340849956_Impact_of_the_2019-20_coronavirus_pandemic_on_education)
- Nambiar, D. (2020). The impact of online learning during COVID-19: Students' and teachers' perspective. *The International Journal of Indian Psychology*, 8(2), 783-793. [https://www.researchgate.net/publication/343229234\\_The\\_impact\\_of\\_online\\_learning\\_during\\_COVID-19\\_students'\\_and\\_teachers'\\_perspective](https://www.researchgate.net/publication/343229234_The_impact_of_online_learning_during_COVID-19_students'_and_teachers'_perspective)
- Noor Sara Mashitoh Mohamad Hanif (2022, April 7). Ramai murid sekolah rendah masih buta huruf. *Harakahdaily*. <https://harakahdaily.net/index.php/2022/04/07/ramai-murid-sekolah-rendah-masih-buta-huruf/>
- Nor Asmah Abdullah, & Muhammad Syawal Amran. (2021). Perspektif guru terhadap penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 32-39. <https://myedujournal.com/index.php/arise/article/view/68>

- Nor Fadilah Nadzri. (2017). *Kualiti amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di MRSM* [Unpublished master's thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Qadariah Ishak, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2020). Keberkesanan VAKT dalam meningkatkan penguasaan membaca perkataan Digraf dan Konsonan Bergabung Bahasa Melayu Murid Melanau di Kelas Pemulihan Khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 24–31. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/9678>
- Norazidah Mohamed Norok, & Khairul Farhah Kamaruddin. (2022). Tahap kesediaan guru terhadap penggunaan kaedah bermain sambil belajar bagi Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 132–144. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1246>
- Norfarahzatul Asikin Zakari, Mohamed Zuber Abd. Majid, & Muhammad Hussin. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), 1-11. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>
- Norfishah Mat Rabi. (2016). *Transformasi pendidikan Murid Kurang Upaya*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norhafinas Abd Latib, Mohd Nizam Edrusi, & Junaidah Muhamad. (2021). Pembelajaran matematik secara atas talian semasa perintah kawalan pergerakan. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 3(8), 91-103. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.38008>
- Norleena Gutasan, Rojiah Saiwah Karim, Zoriffah Mohd Kudin, & Nor Jannah Hassan. (2021). Lexssa Kit Improve Reading Skills for Student with Disabilities. *International Journal of Modern Education*, 3(8), 149–166. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.380013>
- Norlela Ahmad, Shamsudin Othman, Azhar Md. Sabil, Marzani Mohamed Mokhtar, Mohd Azuan Mohd Nawawi, & Zullaili Hason. (2021). Pengaruh Didik Hibur dalam meningkatkan kesediaan belajar kemahiran membaca bahasa Melayu murid belum menguasai tahap pencapaian minimum. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 45-57. <http://www.ajocs.com/index.php/ajocs/article/view/64>
- Norliah Mohd. Amina & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2016, January 23). Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015. [Paper Presentation]. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke-6*, Bangi, Malaysia.
- Nur Elyani Musa, & Minarnie Hadzira Mohamad. (2014). Keberkesanan Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar dalam pelaksanaan kursus Sains Kejuruteraan di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *ANZDOC 1(1)*: 223-230. <https://adoc.pub/politeknik-tuanku-sultanah-bahiyah-kata-kuncialat-bahan-bant.html>

- Nur Hana Kamarudin, Khairul Farhah Khairuddin, & Ahmad Zamri Mansor. (2022). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar guru Pendidikan Khas dalam meningkatkan kemahiran Matematik operasi darab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 175 - 183. 10.47405/mjssh.v7i1.1249
- Nur Syafiqah Isa, & Nurul Nazirah Mohd Imam Ma'arof. (2018). Keberkesanan penggunaan grafik berkomputer sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan pelajar Reka Bentuk dan Teknologi. *Sains Humanika*, 10(3-3), 81-87. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1519>
- Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid, & Salinah Ja'afar. (2017). Pembelajaran bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas: Pembinaan Bahan Bantu Mengajar. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 28(1), 164-193. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9624>
- Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid, & Salinah Ja'afar (2017). Pengaplikasian model awal Kit Asas Membaca dalam pembelajaran bahasa Melayu kanak-kanak Pemulihan Khas. *Sains Insani*, 3(1), 1-9.
- Ozdemir, S., & Kilic, E. (2007). Integrating Information and Communication Technologies in The Turkish Primary School System. *British Journal of Educational Technology (BJET)*, 38(5), 907-916. [https://www.academia.edu/6685066/Integrating\\_information\\_and\\_communication\\_technologies\\_in\\_the\\_Turkish\\_primary\\_school\\_system](https://www.academia.edu/6685066/Integrating_information_and_communication_technologies_in_the_Turkish_primary_school_system)
- Usha Nagasundram, & Vijayaletchumy Subramaniam (2019). Strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah di SJK(T) Batu Caves, Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7(2), 130-151. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/82256/>
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2022). *Peranan dan cabaran pemimpin Pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.* <https://www.studocu.com/my/document/universiti-putra-malaysia/bahasa-melayu-komunikasi/2-peranan-dan-cabaran-pemimpin-pendidikan/18976307>
- Ratna Mohd Razali, & Adenan Ayob. (2018). Keberkesanan penggunaan modul interaktif terhadap pencapaian membaca murid pemulihan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(19), 34-56. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPC-2018-19-09-03.pdf>
- Roslan Chin & Nurahimah Yusoff. (2017, April 4-5). *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca dalam kalangan Murid Pemulihan Khas* [Paper Presentation]. *International Conference on the Scholarship of Teaching and Learning*, Sintok, Kedah, Malaysia.

- Rosnah Ishak, Muhammad Faizal A. Ghani, & Saedah Siraj (2017). *Pasukan pemikir pendidikan abad ke-21. Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21*. Institut Aminuddin Baki.
- Rosnani Jusoh. (2012). Effects of teachers' readiness in teaching and learning of entrepreneurship education in Primary Schools. *International Interdisciplinary Journal of Education*, 1(7), 98-102. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/26062/>
- Safwana Nur Widad Safri, Zurinawati Mohi, & Mohd Hafiz Hanafiah. (2020). Massive Open Online Course (MOOC): Our saviour during COVID-19 pandemic? *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts (JTHCA)*, 12(3), 120-128. [https://fhtm.uitm.edu.my/images/jthca/Vol12Issue3/Chap\\_8.pdf](https://fhtm.uitm.edu.my/images/jthca/Vol12Issue3/Chap_8.pdf)
- Şahin, S., Kaya Kara, Ö., Köse, B., & Kara, K. (2020). Investigation on participation, supports and barriers of children with Specific Learning Disabilities. *Research in Developmental Disabilities*, 101, 103639. <https://doi.org/10.1016/j.ridd.2020.103639>
- Sahu, P. K. (2020). Closure of universities due to coronavirus disease 2019 (COVID-19): Impact on education and mental health of students and academic staff. *Cureus*, 12(4). [https://www.researchgate.net/publication/340438391\\_Closure\\_of\\_Universities\\_Due\\_to\\_Coronavirus\\_Disease\\_2019\\_COVID-19\\_Impact\\_on\\_Education\\_and\\_Mental\\_Health\\_of\\_Students\\_and\\_Academic\\_Staff](https://www.researchgate.net/publication/340438391_Closure_of_Universities_Due_to_Coronavirus_Disease_2019_COVID-19_Impact_on_Education_and_Mental_Health_of_Students_and_Academic_Staff)
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2023, February 3). Wabak Buta Huruf: Tanggungjawab atau Bebanan?. *Dewan Bahasa Pustaka*. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2023/02/03/7086/>
- Shaharom Noordin, & Nur Faizah Zainal Abiden. (2010). *Tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan bakal guru Fizik semasa latihan mengajar*. [http://eprints.utm.my/id/eprint/10259/2/Nur\\_Faizah\\_binti\\_Zainal\\_Abiden.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10259/2/Nur_Faizah_binti_Zainal_Abiden.pdf)
- Shuhaila Ab. Jawas, & Hafizah Zulkifli. (2022). Amalan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 1-9. <https://nunjournal.com/index.php/qalam/article/view/50/49>
- Siti Rubiyani Omar. (2020). *Faktor mempengaruhi amalan pengajaran berkesan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas di Kelantan*. [Unpublished master's thesis]. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Siva Selan (2021, April 15). Pandemik ganggu tahap celik huruf dalam kalangan murid. *MalaysiaNow*. <https://www.malaysianow.com/my/news/2021/04/15/pandemik-ganggu-tahap-celik-huruf-dalam-kalangan-murid>

- Somyurek, S., Atasoy, B., & Ozdemir, S. (2009). Board's IQ: What makes a board smart? *Journal of Computers and Education*, 53(2), 368-374. <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S0360131509000621>
- Subra, T. H, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, & Kala Devi. (2019). Family's Socio-Economic Influence on The Dropout of Indian Students: A case study in the District of Kuala Muda Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77-91. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.29007>
- Suhaimi Muhamad. (2007). *Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi*. [Master's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia]. <http://eprints.utm.my/id/eprint/6575/1/SuhaimiMuhamadMFP2007.pdf>
- Suhaimie Moridan. (2013). *Kesediaan Guru melaksanakan rancangan pendidikan individu dalam Pendidikan Islam bagi Pelajar Pendidikan Khas*. [Master's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia]. <http://eprints.utm.my/id/eprint/41897/>
- Syafnie Syahirah Rosli, & Nor Azwahanm Nor Shaid (2022). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) dalam pengajaran bahasa Melayu semasa pandemik COVID-19. Proceedings of the International Conference on Global Education*, 30-39. <http://114.5.194.187/index.php/ICGE/article/view/85>
- Syar Meeze Mohd Rashid. (2017). Kemahiran asas serta kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran kepada golongan istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 1(1), 1-12. [https://www.researchgate.net/publication/343070183\\_Kemahiran\\_Asas\\_serta\\_Kaedah\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_al-Quran\\_kepada\\_Golongan\\_Istimewa](https://www.researchgate.net/publication/343070183_Kemahiran_Asas_serta_Kaedah_Pengajaran_dan_Pembelajaran_al-Quran_kepada_Golongan_Istimewa)
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Parwazalam Abdul Rauf, & Norkhalid Salimin. (2017). Hubungan antara pengalaman mengajar dan perancangan pengajaran dalam kalangan Guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(6), 268-277. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPc-2017-06-12-19.pdf>
- Wan Nur Izzati Hazwani Kashfi, Norhayati Che Har, Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman, Nurazan Mohmad Rouyan, & Zaharah Hussin. (2022). Cabaran dan permasalahan pembelajaran murid B40 di Sekolah Rendah di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(4), 17-28. <https://www.nunjournal.com/index.php/qalam/article/view/76/73>
- Wan Zah Wan Ali, Hajar Mohd Nor, Azimi Hamzah, & Hayati Alwi. (2009). The conditions and level of ICT integration in Malaysian Smart Schools. *International Journal of Education and Development using Information and Communication Technology (IJEDICT)*, 5(2), 21-31. <https://www.learntechlib.org/p/42320/>
- Zainuddin Wahono, Zamri Hamod, & Mohd Khalid Mohamad Nasir. (2021). Kertas konsep tematik sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ketika pandemik

bagi murid Sekolah Rendah. *Proceedings of the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 1*, 422-437.  
<https://ukmsarjana.ukm.my/main/penerbitanterkini/SzAxNzE0NQ>

Zamri Mahamod, Rohaida Mazalan, Norziah Amin, & Mohd Zaki Abd. Rahman. (2021). Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40–62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>

Zamry Ahmad Mokhtar, & Nur Ashikin Lakman. (2021). Peralihan dari pembelajaran bersemuka ke pembelajaran secara atas talian untuk subjek *Mechanics of Civil Engineering Structures* semasa pandemik COVID-19. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 2(2), 11-18. <https://doi.org/10.53797/anpjssh.v2i2.2.2021>

Zarinah Arshat, Farah Syuhada Pai, & Zanariah Ismail. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan kekuatan B40. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences Journal Homepage*, 10(1), 91–102. [www.akademiabaru.com/arsbs.html](http://www.akademiabaru.com/arsbs.html)

Zulliana Hasan, Nor Shafrin Ahmad, & Shahabuddin Hashim. (2021). Resilien akademik dalam kalangan murid B40. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 3(1), 37-49.  
[https://www.researchgate.net/publication/357657703\\_Resilien\\_Akademik\\_dalam\\_kalangan\\_Murid\\_B40](https://www.researchgate.net/publication/357657703_Resilien_Akademik_dalam_kalangan_Murid_B40)